

Penduduk trauma lumpur merah masuk rumah

KUANTAN - Lena tiga beranak terganggu apabila dikejutkan dengan banjir lumpur pada jam 3 pagi, Sabtu lalu.

Amir Izham Mat, 27, dari Kampung Padang Darat di sini berkata, dalam kejadian itu, dia bersama isteri, Hidayah Safinas Rosli, 27, dan anak sulung, Umar Ziyad, 1 tahun enam bulan sedang nyenyak tidur.

Menurutnya, banjir dipercayai berpunca daripada kolam tadahan di sebuah tapak projek perumahan berdekatan pecah selepas hujan lebat kira-kira empat jam.

"Dalam terkejut, saya menyelamatkan isteri dan anak kerana bimbang keadaan menjadi lebih teruk.

"Ini kali pertama rumah saya kena banjir dan lebih menyedihkan seluruh rumah menjadi oren kemerahan sebab air hujan bercampur debu bauksit," katanya ketika ditemui di sini.

Amir berkata, walaupun rumahnya dinaiki air 0.2 meter namun situasi itu benar-benar menakutkannya.

"Buat masa ini saya menghantar isteri dan anak tinggal di rumah ibu di Bukit Setongkol kerana bimbang kejadian sama



Keadaan jalan yang berubah merah akibat banjir lumpur.

berulang," katanya.

Tambahnya, banyak peralatan rumahnya rosak dan laporan polis telah dibuat semalam.

Menurut Amir, sejak aktiviti perlombongan bauksit dijalankan di kawasan itu, ratusan lori keluar masuk menyebabkan timbul masalah debu.

Penduduk, Chai Foh Peng, 45, berkata, jalan masuk ke rumahnya turut rosak disebabkan kekerapan lori mengangkut bahan mineral itu.

Katanya, dia terpaksa menambun jalan yang dipenuhi tanah merah dengan batu.

Adun Beserah, Andansura Rabu yang melakukan lawat-

an kecewa dengan situasi yang berlaku dan merayu kerajaan negeri lebih tegas dan buka mata terhadap isu itu.

"Ini baru pra musim tengkujuh, tapi macam-macam sudah berlaku. Saya bimbang perkara lebih teruk bila tiba musim tengkujuh," katanya.

Pihaknya akan bermesyuarat bersama 22 badan bukan kerajaan (NGO) bagi membincangkan tindakan selepas petisyen bantahan bauksit ditolak kerajaan.

"Kita sudah lantik syarikat untuk analisis sampel air sungai bbagi menguji sama ada terdapat kandungan logam berat atau tidak," katanya.